

**TPM Puas Hati Kelancaran Proses Ketibaan Dan Pengebumian Mangsa Nahas MH17  
Bernama  
August 22, 2014**

MUAR, 22 Ogos (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin melahirkan rasa puas hati terhadap kelancaran proses ketibaan sehinggalah pengebumian jenazah mangsa-mangsa nahas pesawat Malaysia Airlines penerbangan MH17, yang dibawa pulang dari Amsterdam hari ini.

Timbalan perdana menteri yang juga anggota Parlimen Pagoh menghadiri pengebumian anak tempatan Pagoh, seorang daripada penumpang mangsa tragedi itu, Mohd Ali Mohd Salim, di Tanah Perkuburan Islam Kampung Raja di sini.

Beliau menyatakan rasa puas hati terhadap kelicinan proses pengebumian dan persemadian jenazah mangsa MH17 di beberapa tempat lain di seluruh negara.

"Alhamdulillah, upacara pengebumian jenazah Allahyarham telah selesai dan saya juga mendapat maklumat tempat-tempat lain juga berjalan lancar dengan cuaca yang baik, walaupun ia amat menyedihkan tetapi saya lihat waris Allahyarham tabah dan menerimanya sebagai ujian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri pengebumian Allahyarham Mohd Ali yang dihadiri ribuan penduduk tempatan, yang turut berkongsi kesedihan dengan pemergian beliau.

Mohd Ali, 30, merupakan pelajar kedoktoran di Erasmus University, Belanda dan dalam penerbangan pulang ke Malaysia untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri apabila pesawat MH17 itu terhempas ditembak jatuh di timur Ukraine pada 17 Julai.

Sebelum itu, Muhyiddin turut bersama ribuan penduduk tempatan bersembahyang jenazah di Masjid Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Pagoh dan di kediaman keluarga Mohd Ali di Kampung Jayor, di sini.

Menurut Muhyiddin, Hari Perkabungan Negara yang diisytihar sebagai penghormatan kepada mangsa tragedi dan 20 jenazah kumpulan pertama dibawa pulang hari ini, memberikan kesan mendalam kepada rakyat Malaysia seluruh negara yang dapat merasakan peristiwa hari ini amat bermakna dan telah menyatupadukan mereka dalam kesedihan.

"Detik hari ini amat bermakna kerana mereka yang telah bersatu dalam keadaan sedih dan dalam kehibaannya telah bertafakur serta menyedekahkan al-Fatihah. Ia adalah perkara yang signifikan tentang semangat perpaduan dan kerjasama apabila ditimpa musibah," katanya.

Mengenai jenazah rakyat Malaysia lain yang masih berada di Amsterdam, beliau berkata ada yang akan dibawa pulang pada Ahad dan berharap senarai nama mereka dapat

diumumkan dalam jangka masa terdekat.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai akan ke Belanda dan bilangan serta senarai nama yang lain akan dimaklumkan kepada waris mangsa selepas itu, katanya.

"Kita berharap baki mangsa yang sudah ditemui dan sudah disahkan akan dapat diterbangkan segera ke tanah air. Jadualnya adalah pada 24 Ogos," kata Muhyiddin.

Kumpulan kedua jenazah rakyat Malaysia yang bakal dibawa pulang, katanya, akan diberikan penghormatan yang sama sebagaimana yang diberikan hari ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1062614>